

# Calon Anugerah Belia Negara mesti bawah 40 tahun

UM - 11 / 5 / 2006

Oleh AZMAN ISMAIL

**PUTRAJAYA** 10 Mei - Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said mengumumkan keputusan kerajaan untuk menetapkan semua calon penerima Anugerah Belia Negara mulai tahun ini, mestilah berumur di bawah 40 tahun.

Menurut beliau, keputusan tersebut sejajar dengan cadangan penggubalan Akta Belia Negara yang antara lain menetapkan had umur 40 tahun kepada semua ahli dan pemimpin persatuan belia di negara ini.

"Kita akan bermula di Kementerian Belia dan Sukan dengan mengambil keputusan mengiktiraf setiap calon penerima Anugerah Belia Negara mesti di bawah 40 tahun sebelum pelaksanaan akta itu diperluaskan apabila diluluskan kelak.

"Jadi kita arahkan setiap calon penerima yang akan dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Belia Negara mesti berada dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun," katanya pada sidang akhbar mengenai Sambutan Hari dan Minggu

Belia Negara 2006 di sini hari ini.

Sambutan Hari dan Minggu Belia Negara 2006 yang bakal berlangsung di Stadium Putra, Bukit Jalil, Isnin ini, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selain itu, sambutan bertemakan 'Belia Bina Bangsa. Belia Wawasan. Belia Malaysia' tersebut akan disambut di peringkat negeri melalui pelbagai pengisian termasuk program kemasyarakatan, pendidikan, kebudayaan dan sukan.

Dalam pada itu, Azalina berkata, cadangan penggubalan Akta Belia Negara khususnya berhubung had umur di bawah 40 tahun, akan menjadi topik utama dalam pembentangan kertas kerja beliau di Persidangan Menteri-Menteri Belia Komanwel di Bahamas dari 21 hingga 26 Mei ini.

Katanya, kertas kerja bertajuk 'Strategi Pembangunan Belia' itu akan memberi penjelasan kepada negara-negara peserta persidangan berhubung pendekatan dan proses pembangunan belia di Malaysia.

"Kita akan memberi tumpuan kepada penjelasan bagaimana strategi Malaysia

**Kita akan bermula di Kementerian Belia dan Sukan dengan mengambil keputusan mengiktiraf setiap calon penerima Anugerah Belia Negara mesti di bawah 40 tahun**

**AZALINA  
OTHMAN**  
Menteri Belia  
dan Sukan

menyokong penuh golongan belia untuk aktif dalam persatuan untuk membantu memperkasakan modal insan yang menaja di teras kepada pembangunan negara.

"Kita juga akan memberi penjelasan tentang relevannya keputusan diambil oleh Malaysia untuk mengehendkan umur belia di bawah 40 tahun sebagaimana yang akan terkandung dalam akta tersebut," kata beliau.

Mengenai kelulusan Akta Belia Negara di Parlimen, Azalina berkata, pihaknya hanya menunggu kelulusan daripada Pejabat Peguam Negara berhubung beberapa aspek yang terkandung cadangan akta itu

sebelum dibawa ke persidangan Dewan Rakyat.

"Isu-isu besar dalam akta berkenaan telah selesai dan kita cuma menunggu tindakan seterusnya daripada Pejabat Peguam Negara untuk dibawa dan dibentangkan di Parlimen bagi mendapatkan kelulusan secepat mungkin.

"Kita melihat pembentangan dan kelulusan akta ini tepat pada masanya kerana ia sejajar dengan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang memberi peruntukan besar kepada pembangunan modal insan, khususnya golongan belia," katanya.